

**ARLIMEN**  
**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT P  
ARLIMEN KEDUABELAS 2011**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat  
Dijawab Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI KHAMIS : 20 OKTOBER 2011**

**CAWANGAN  
PERUNDANGAN PARLIMEN  
MALAYSIA.**



SOALAN NO: 1

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN : JAWAB LISAN  
DARI PAD A : DATO' SERI TIONG KING SING [ BINTULU ]  
TARIKH : 20 OKTOBER 2011 (KHAMIS)  
SOALAN : Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ] minta  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI menyatakan
- (a) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk memberi atau meneruskan bantuan Khas Elaun Saraan Hidup kepada para nelayan yang mana akan ditamatkan pada tahun 2012 akan datang; dan
  - (b) berapakah jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan dalam melaksanakan Program Bantuan Elaun Saraan Hidup kepada para nelayan semenjak ianya dilaksanakan.

JAWAPAN : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI OLEH  
ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

- a) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berhasrat untuk meneruskan bantuan Khas Elaun Sara Hidup Nelayan yang akan tamat pada tahun 2012 sekiranya ada peruntukan daripada Kerajaan. Kementerian memang mengambil berat dan prihatin

terhadap kehidupan nelayan, oleh itu jika keadaan kewangan negara

mengizinkan, bantuan khas ini akan diteruskan.

- b) Jumlah peruntukan yang dibelanjakan oleh Kerajaan untuk membayar Elaun Sara Hidup Nelayan sejak ianya dilancarkan pada 2008 adalah sebanyak RM356.68 juta.

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA

DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA  
[PARIT BUNTAR]

TARIKH JAWAPAN : 20 OKTOBER 2011 (KHAMIS)  
DI DEWAN RAKYAT

#### SOALAN

minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan apakah yang telah dikeluarkan surat pekeliling bagi memastikan semua bangunan Kerajaan menggunakan suhu penghawa dingin di bawah 24 Celcius bagi menjimatkan tenaga.

#### JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Mesyuarat Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Ogos 2011 telah memutuskan agar langkah serta-merta untuk menggunakan tenaga dengan cekap dilaksanakan di semua bangunan Kerajaan. Ini akan dilaksanakan melalui penyelarasan suhu persekitaran dalaman kepada tahap minimum 24 darjah celsius (°C). Penetapan ini merupakan salah satu langkah penjimatan tenaga tanpa kos yang boleh dilaksanakan dengan serta merta.

Selaras dengan keputusan tersebut, Kementerian saya sedang menyediakan Surat Arahan yang mengandungi garis panduan pelaksanaan arahan penjimatan tenaga melalui penetapan suhu pada tahap minimum 24°C di semua bangunan Kerajaan untuk diedarkan kepada semua Kementerian/jabatan/agensi Kerajaan yang berkenaan sebagai langkah pengurangan perbelanjaan kos utiliti Kerajaan. Semua agensi Kerajaan adalah dikehendaki untuk melaksanakan penetapan suhu di pejabat masing-masing seperti yang digariskan dalam Surat Arahan ini. Pelaksanaan langkah penjimatan tenaga elektrik ini mesti

dibuat dengan serta-merta secara menyeluruh atau berperingkat dan berterusan.

Surat Arahan ini menetapkan ruang di dalam bangunan Kerajaan yang dapat diselaraskan suhu persekitaran dalaman seperti ruang pejabat, bilik pegawai, bilik mesyuarat, ruang lobi, koridor dan lain-lain. Disamping itu, Surat Arahan ini juga bersetuju ruang kritikal tertentu memerlukan penetapan suhu khusus seperti dewan bedah, unit rawatan rapi, makmal bilik peralatan mekanikal, ruang menempatkan perkakasan teknologi maklumat seperti bilik server.

Tuan Yang Dipertua,

Kecekapan tenaga merupakan tanggungjawab bersama dan setiap pihak dan individu perlu memainkan peranan masing-masing untuk membolehkan sasaran kecekapan tenaga tercapai. Selain dari mengambil tindakan melaraskan suhu penyaman udara ruang bangunan kerajaan



pada tahap minimum 24°C, amalan kecekapan tenaga lain yang perlu diamalkan ialah seperti menutup suis semua peralatan elektrik yang tidak digunakan, memaksimumkan penggunaan cahaya semula jadi, menggunakan tangga bagi menggantikan lif dan menggunakan alat cekap tenaga. Langkah berkenaan tidak melibatkan sebarang kos kepada pemilik bangunan namun pada kebiasaannya dapat menjimatkan tenaga pada kadar 3-7% dari jumlah keseluruhan penggunaan tenaga.

\*\*\*\*\*



SOALAN NO.: Q  
O

PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN : Y.B. DATUK AZALINA BINTI DATO'  
OTHMAN SAID  
DARI PADA Pengerang  
KAWASAN 20 OKTOBER 2011 (KHAMIS)  
TARIKH  
LISAN

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID (Pengerang)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berkenaan harga untuk tol lebuh raya Senai-Desaru yang dilihat agak keterlaluan dan mahal serta rasional penggunaan satu laluan yang menyukarkan pengguna terutama ketika waktu-waktu puncak dan musim perayaan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Lebuhraya Senai-Desaru (SDE) sepanjang 77 kilometer telah dibina secara penswastaan dengan tempoh konsesi tol selama 33 tahun. Lebuhraya dengan nilai kos projek sebanyak RM1.37 bilion ini telah dibina pada 18 Julai 2005 dan dibuka kepada lalu lintas pada 10 September 2009 - kecuali fasa 3, iaitu Persimpangan Cahaya Baharu (Pasir Gudang) ke Persimpangan Penawar (Desaru) yang dibuka kepada lalu lintas pada 10 Jun 2011 yang lalu. Kutipan tol di lebuhraya ini dilaksanakan secara sistem tol tertutup (*closed toll system*), iaitu kadar tol akan ditentukan berdasarkan kepada jarak perjalanan oleh pengguna.

Kadar tol yang dikenakan kepada pengguna di lebuhraya SDE ini ialah sebanyak 14.96 sen/km. Kadar ini adalah bersamaan dengan kadar tol di lebuhraya-lebuhraya lain yang mengamalkan sistem tol tertutup seperti Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE), Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE) dan Lebuhraya Kajang-Seremban (LEKAS). Kadar tol 14.96 sen/km ini juga bersamaan dan mengambil kira kadar yang sepatutnya dikenakan di Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) pada tahun 2008 sebagaimana perjanjian konsesi PLUS. Walau bagaimanapun, berikutan penstrukturan semula kadar tol, Kerajaan telah menangguhkan kenaikan kadar tol Lebuhraya PLUS pada tahun tersebut dan mengekalkan kadar tol semasa, iaitu 13.6 sen/km.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan 1 lorong 2 hala (*single carriageway*) bagi Pakej 3 SDE (dari Persimpangan Cahaya Baharu ke Persimpangan Penawar) dibuat setelah Kerajaan mengambil kira unjuran trafik yang rendah di laluan itu, iaitu kurang dari 12,000 kenderaan sehari. Oleh itu, cadangan mereka bentuk dan membina 2 lorong 2 hala di laluan berkenaan akan mengakibatkan projek SDE ini tidak ekonomikal dan berdaya maju untuk dilaksanakan secara penswastaan. Walau bagaimanapun berdasarkan kepada perjanjian konsesi, jajaran fasa ini akan dinaik taraf kepada 2 lorong 2 hala (*dual two carriageway*) pada masa hadapan setelah kadar trafik meningkat dan mencapai *treshhold* sekurang-kurangnya 30,000 kenderaan sehari.

Sekian. Terima kasih.

**DARI PADA** : **Y.B. TUAN FONG KUI**  
**(BUKIT BINTANG)**

**LUN**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**TARIKH** : **20.10.2011**

**Y.B. TUAN FONG KUI LUN [ BUKITBINTANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berikutan kemerosotan ekonomi negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat bagaimanakah kesannya ke atas ekonomi Malaysia terutama eksport negara dan sejauh manakah ianya berjaya dipulihkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia sebagai sebuah ekonomi yang terbuka, sungguhpun menerima kesan berikutan ketidaktentuan pasaran global, tetapi ia dijangka tidak begitu ketara. Ekonomi Malaysia terus berkembang meskipun berhadapan dengan persekitaran luar yang lebih mencabar. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar mencatat pertumbuhan 4.4% dalam tempoh separuh pertama 2011. Pertumbuhan yang sederhana ini disebabkan oleh eksport yang perlahan berikutan prestasi ekonomi Amerika Syarikat (AS) yang lebih rendah daripada jangkaan, krisis hutang berdaulat euro yang semakin berlarutan, gangguan rantaian bekalan kesan daripada gempa bumi dan tsunami di Jepun serta peningkatan inflasi global. Namun demikian, kesan ini dijangka memberi impak yang minimum kepada negara kita memandangkan kekuatan daya tahan dan asas-asas ekonomi yang mampan serta perancangan Kerajaan untuk memastikan ekonomi berkembang kukuh.

2. Prestasi perdagangan luar kekal menggalakkan berikutan rakan niaga utama adalah negara yang sedang pesat membangun iaitu di rantau Asia seperti China, Singapura dan Thailand. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2011, eksport kasar meningkat kukuh sebanyak 7.4% kepada RM454.9 bilion disokong oleh eksport komoditi yang berdaya tahan serta eksport yang berasaskan sumber seperti kayu balak, makanan, kelapa sawit dan getah. Peningkatan kadar pertumbuhan eksport ini juga didorong oleh permintaan serantau yang kukuh. Eksport ke rantau Asia kecuali Jepun mencakupi 47.3% daripada jumlah eksport negara, manakala eksport ke Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah mencakupi 18.9% daripada jumlah eksport negara. Bagi tahun 2011, eksport negara dijangka meningkat pada kadar sederhana sebanyak 6.8% disebabkan oleh jangkaan permintaan global terutamanya produk elektrik dan elektronik yang perlahan pada bulan-bulan berikutnya.

Ahli-Ahli yang Berhormat,

3. Berdasarkan unjuran terkini, pertumbuhan KDNK negara bagi tahun 2011

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
dijangka berkembang 5% - 5.5% dan akan impak oleh permintaan domestik iaitu penggunaan swasta yang berdaya tahan dan disokong oleh peningkatan pelaburan swasta. Pertumbuhan sektor awam terutamanya pelaksanaan projek-projek infrastruktur awam akan dirancarkan lagi pada separuh tahun kedua 2011.

4. Sehubungan dengan itu, Kerajaan yakin dengan pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan dan akan dilaksanakan dapat mengurangkan impak kemerosotan ekonomi yang dialami oleh negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat. Oleh itu, Kerajaan akan memastikan ekonomi negara terus kukuh dengan melaksanakan langkah-langkah yang boleh meningkatkan pendapatan boleh guna isirumah serta merencanakan aktiviti permintaan domestik

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 20 OKTOBER 2011 ( KHAMIS )

DARI PAD A Y.B. DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED  
[ SEKIJANG ]

SOALAN

Y.B. DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED [ SEKIJANG ] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sejauh mana "Program Kitar Semula" yang dilancarkan oleh Kementerian telah berjaya menarik penyertaan rakyat negara ini dan nyatakan nama program yang dijalankan dan di mana.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak dilancarkan secara rasmi pada tahun 2000 yang lalu, program dan aktiviti kitar semula berjalan dengan baik dan pesat. Program-program yang diadakan telah berjaya menarik minat pelbagai pihak seperti badan-badan kerajaan, badan-badan korporat dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) untuk turut serta. Antara program bersama badan kerajaan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2010 dan 2011 adalah seperti Program Kempen Kitar Semua dan Gotong- Royong Bersama Pemimpin di Temerloh, Pahang, Pertandingan Pengumpulan Barangan Kitar Semula di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Arau Perlis, Program Kitar Semula di Pejabat- Pejabat Kerajaan di Wisma Darul Aman, Kedah dan Program Pengkomposan di Sekolah- Sekolah Negeri Pulau Pinang.

Program bersama badan bukan kerajaan pula seperti Program Pengkomposan di Pusat Penjaja Taman Maluri Cheras, Kuala Lumpur,

Program Kempen Kitar Semula Peringkat Negeri Sarawak dan *Malaysia Plastic Manufacturing Association (MPMA) - Scientex Foundation 3R Awareness Program* di Johor. Manakala badan-badan korporat seperti hotel-hotel dan pusat membeli belah yang telah bersama menjayakan program kitar semula pula merangkumi program seperti Pengkomposan Kaedah *Takakura Home Method* di hotel - hotel Negeri Pahang, Program *drive-thru 3R* di Mydin Mall, Kuala Terengganu, Terengganu dan Seminar Kitar Semula anjuran Tetrapak.

Justeru itu, Kementerian percaya bahawa kempen-kempen kesedaran dan program-program kitar semula yang dijalankan telah memberikan kesedaran kepada masyarakat Malaysia mengenai kepentingan mengamalkan kitar semula. Seterusnya, Kementerian yakin bahawa dengan penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672), akan meningkatkan kesedaran rakyat seterusnya meningkatkan kadar kitar semula kebangsaan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan

Tempatan Oktober 2011



**PEMBERITAHU**

**PERTANYAAN**

PERTANYAAN **DEWAN** LISAN

DARIPADA **RAKYAT** Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK  
(SIK)

TARIKH **20.10.2011**

**SOALAN:**

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [ SIK ] minta Menteri Pelajaran menyatakan tentang arahan yang tidak jelas dan kertas soalan yang dikemukakan dalam dua bahasa dalam peperiksaan kebangsaan (UPSR, SRP dan SPM) menyebabkan Guru Besar/Pengetua membuat tafsiran sendiri. Di kebanyakan sekolah di luar bandar, proses P&P di peringkat sekolah dijalankan sepenuhnya dalam Bahasa Melayu. Nyatakan pendirian Kementerian dalam perkara tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Buat masa ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) masih meneruskan penggunaan dwibahasa dalam penyediaan kertas peperiksaan awam UPSR, PMR dan SPM serta proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) bagi murid-murid dalam kohort PPSMI. Namun, dengan pendekatan *soft landing* melalui dasar Memartabat Bahasa Melayu Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI), penggunaan dalam dwibahasa ini akan digerakkan secara beransur-ansur mengikut fasa MBMMBI sehinggalah penggunaan bahasa Malaysia dilaksanakan sepenuhnya. Proses ini akan berlangsung bagi kohort yang telah berada dalam sistem PPSMI mulai tahun 2010. Ini bertujuan untuk membantu guru dan murid menyesuaikan diri dengan peralihan penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran tersebut. Ini juga untuk memastikan dasar baru ini

dapat dilaksanakan dengan terancang serta meminimalkan permasalahan P & P yang sedang berlangsung sekarang. Walau bagaimanapun, bagi P&P Sains dan Matematik bagi Tahun Satu mulai kohort 2011, murid-murid tersebut telah menggunakan bahasa Malaysia sepenuhnya selaras dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Kementerian dari semasa ke semasa akan terus memantau pelaksanaan dasar ini bagi memastikan ianya berjalan dengan lancar dan teratur. **Sekali lagi ingin ditegaskan bahawa P&P mata pelajaran Sains dan Matematik kecuali Tahun 1, boleh menggunakan dwibahasa sama ada bahasa Inggeris atau bahasa Malaysia bergantung kepada kemampuan guru dan murid di sesebuah sekolah itu.**

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN JEMPOL</b>
<b>KAWASAN</b>	<b>20 OKTOBER 2011 (KHAMIS)</b>
<b>TARIKH</b>	

**SOALAN:**

**Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN (JEMPOL)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah projek *Bahau Pass-By* hendak dilaksanakan dan berapakah implikasi kewangan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Cadangan Projek Membina jalan Pintas Bahau atau *Bahau By- Pass* merupakan antara projek yang sememangnya telah dipohon oleh kementerian ini untuk dilaksanakan dalam RMKe-10. Projek dengan anggaran kos sebanyak RM90 juta ini merupakan antara cadangan projek RMKe-10 yang dikenal pasti melalui Laporan Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Lebuhraya Malaysia, 2008 (Fasa 1: Semenanjung Malaysia). Skop projek melibatkan pembinaan jalan baru dengan piawaian JKR R3, 1 lorong 2 hala (*single carriageway*) sepanjang 7 kilometer dari Jalan Bahau-Kuala Pilah (FT 13) ke jalan Bahau-Gemas (FT10) melalui Mahsan, jempol.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, projek ini telah dikenalpasti antara projek berkeutamaan tinggi untuk dilaksanakan dalam RMKe-10. Sehubungan itu, Kementerian ini akan berusaha berbincang dengan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi memastikan projek ini dimulakan dalam RMKe-10.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 8

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARI PAD A YB DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR (TUMPAT)

TARIKH 20 OKTOBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN:

YB Dato' Kamaruddin bin Jaffar (Tumpat) minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah pelaburan yang diperolehi oleh ECER pada separuh pertama 2011 dan apakah prestasinya berbanding dengan koridor-koridor lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Jun 2011, jumlah pelaburan yang berjaya diperolehi oleh ECER adalah berjumlah RM2.44 bilion. Prestasinya adalah setanding dengan koridor-koridor yang lain.

Soalan No : 9

PEMBERITAHU  
PERTANYAAN  
PERTANYAAN DEWAN LISAN  
DARIPADA RAKYAT Y.B. DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM  
FIKRI (KUALA NERUS)  
TARIKH 20.10.2011

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [ KUALA NERUS ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan kesan pelaksanaan Transformasi Pendidikan Nasional kepada Pembangunan Modal Insan Negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kurikulum transformasi bermatlamatkan pembentukan diri murid untuk menjadi modal insan seimbang yang antaranya berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, berfikiran kreatif, kritis dan berinovatif bagi mengisi keperluan negara, berkeperibadian mulia dan mempunyai jati diri yang kukuh, serta mempunyai ketahanan dan boleh berhadapan dengan persekitaran dunia global.

Murid juga dilengkapi dengan kemahiran generik seperti kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Dengan ini generasi yang dilahirkan mampu menguasai bidang sains dan teknologi di tahap tinggi, seterusnya menjana idea baru dalam menghadapi cabaran dunia masa kini dan masa hadapan dan mampu bersaing dengan negara lain di peringkat global.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) juga sentiasa memastikan bahawa kurikulum pendidikan negara menepati keperluan pasaran kerja dan industri khususnya dalam penguasaan bahasa terutamanya bahasa Inggeris, pembentukan kemahiran dalam sains dan teknologi serta pemerolehan ilmu pengetahuan dan teknologi terkini bagi menyediakan tenaga kerja berupaya berinteraksi dengan dunia luar dan dapat melibatkan diri secara aktif dalam persaingan di peringkat global.

Menerusi transformasi, kurikulum elemen kreativiti dan inovasi, elemen keusahawanan serta elemen teknologi maklumat dan komunikasi diajar secara eksplisit kepada murid. Transformasi kurikulum bermatlamat membentuk diri murid untuk menjadi modal insan seimbang yang antaranya berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara, berkeperibadian mulia dan mempunyai jati diri yang kukuh, serta mempunyai ketahanan dan boleh berhadapan dengan cabaran masa kini dan masa depan serta persekitaran dunia global. Justeru, kurikulum transformasi ini menyediakan ruang dan peluang bagi memenuhi keperluan murid bagi membangunkan modal insan yang holistik, berpengetahuan serta berfikiran kreatif, kritis dan berinovatif.

Rjm 40

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A           TUAN TAN TEE BENG  
                                  [ NIBONG TEBAL - KITA ]

TARIKH                   20 OKTOBER 2011 (KHAMIS)

SULIT

SOALAN NQ.10

Tuan Tan Tee Beng [ Nibong Tebal - KITA ] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan pasukan bola sepak negara sekali lagi terkeluar dari melayakkan diri ke peringkat Piala Dunia 2012, adakah Kementerian mempunyai sebarang strategi untuk meningkatkan taraf bola sepak negara kita, termasuk juga sukan-sukan lain selain dari badminton dan skuasy ke satu tahap yang boleh dibanggakan.





SULIT

JAWAPAN

1. Sememangnya tidak dapat kita sembunyikan rasa kehampaan apabila pasukan bola sepak kebangsaan kita gagal meneruskan kemaraan dalam pusingan kelayakan Piala Dunia Brazil 2014. Namun begitu, kejayaan mencipta sejarah dengan layak ke pusingan kedua buat kali pertama sejak tahun 1974 akan menjadi ransangan kepada kita untuk terus berusaha membangunkan sukan bola sepak.
2. Justeru, bagi meningkatkan taraf bola sepak kebangsaan, kerajaan melalui Jawatankuasa Pembangunan Bola Sepak Negara yang dianggotai oleh agensi pelaksana seperti Kementerian Belia Dan Sukan (KBS), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Majlis Sukan Negara (MSN) dan juga Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) sedang merancang, melaksana dan memantau pelaksanaan Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara yang mensasarkan untuk kita layak bersaing di Kejohanan Piala Dunia Remaja bawah 17 tahun pada tahun 2019.
3. Bagi mencapai sasaran tersebut, program latihan mencari bakat telah dilaksanakan di 36 buah Pusat Latihan Daerah, di samping program latihan di 14 buah Sekolah Sukan Negeri yang menjalani latihan sepenuh masa dibawah kendalian tenaga jurulatih yang disediakan oleh jawatankuasa ini. Program pembangunan bola sepak Sukan Prestasi Tinggi Sekolah (SPTS) akan diteruskan di bawah kendalian Kementerian Pelajaran Malaysia selain melaksanakan Liga Kementerian Pelajaran Malaysia bagi pemain bawah 14 dan 17 tahun serta Kejohanan MyKids Soccer bagi

## SULIT

pemain di bawah umur 12 tahun. Perlawanan akhir liga KPM ini telah diadakan pada 23 Julai 2011 di Langkawi dengan menobatkan SMK Bukit Nenas, Terengganu dan SMK Tunku Anum Kedah sebagai juara dalam kategori masing-masing.

4. Sukan Prestasi Tinggi Sekolah pula terbahagi kepada 6 zon dan mengendalikan program Karnival SPTS peringkat kebangsaan di Kuantan pada 30 Oktober hingga 3 November ini, dengan melibatkan 12 orang pemain terbaik setiap zon bagi menghadiri program latihan mencari bakat yang melibatkan pemain berumur 13 hingga 14 tahun. Karnival ini akan melibatkan seramai 180 orang pemain yang dipilih dari seluruh negara.
5. Di bawah program MyKids Soccer pula, kini seramai 1680 orang pelajar sekolah berumur 10 hingga 12 tahun telah dipilih untuk menjalani latihan dan sedang dilatih oleh seramai 112 orang jurulatih. Ia dijalankan di 14 buah pusat latihan yang telah dikenalpasti di setiap negeri di seluruh negara. Malahan persiapan juga sedang giat dijalankan oleh setiap pasukan bagi menghadapi Kejohanan MyKids Soccer Peringkat Kebangsaan Kali Pertama yang akan diadakan pada 21 hingga 30 November 2011, bertempat di Universiti Teknologi PETRONAS, Tronoh, Perak iaitu selepas temasya Sukan SEA Indonesia 2011.
6. Sebagai penutup kepada program pembangunan bola sepak bagi tahun 2011 ini, satu kejohanan yang dikenali sebagai Kejohanan Champion of Champions akan diadakan pada 9 hingga 18 Disember. Ia merupakan kejohanan yang akan menghimpunkan

## SULIT

juara semua kejohanan bola sepak yang telah dianjurkan sepanjang tahun ini yang melibatkan pemain di bawah umur 12 tahun sebagai pelengkap kepada program pembangunan yang dinyatakan.

7. Bagi meningkatkan mutu sukan-sukan lain, Kementerian melalui Majlis Sukan Negara telah pun mewujudkan program Pelapis di peringkat Kebangsaan, Serantau dan Negeri dengan jumlah atlet kini seramai 5,192 orang dan 394 jurulatih. Manakala diperingkat elit pula, seramai 455 atlet dan 70 orang jurulatih sedang giat menjalani latihan dalam menumpukan persediaan ke arah Sukan Komanwel Glasgow dan Sukan Asia Incheon tahun 2014. Melalui program ini, semua atlet akan menerima latihan secara intensif berdasarkan pelan periodisasi latihan bagi memastikan mereka sentiasa berada dalam keadaan terbaik sebelum menyertai kejohanan-kejohanan tempatan dan antarabangsa yang disasarkan.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

TUAN SALLEH BIN KALBI (SILAM)

TARIKH

20 OKTOBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN:

Tuan Salleh bin Kalbi [ Silam ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan mengapakah tidak ada pengawalan dilakukan terhadap lagu-lagu yang dinyanyikan oleh artis tempatan dan membenarkan pencipta lagu mencampuradukkan Bahasa

**SOALAN NO: 11**

Inggeris dan Bahasa Melayu dalam lagu yang diterbitkan sehingga menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rojak.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai langkah pengawalan terhadap lagu-lagu yang dinyanyikan oleh artis tempatan, Kementerian ini telah mewujudkan Jawatankuasa Induk Panel Penilaian Lagu Baru Tempatan (PPLT) di bawah Dasar Wajib Siar Lagu Baru Tempatan (DWSLBT). Panel ini mempunyai kuasa meluluskan dan memastikan setiap lagu baru tempatan menepati kualiti siaran dan menentukan kewajaran sebelum disiarkan oleh stesen-stesen radio. Pihak stesen radio swasta juga mempunyai jawatankuasa dalaman dan garis panduan di dalam menangani perkara-perkara

## SOALAN NO: 11

berkaitan penggunaan Bahasa Inggeris dalam setiap lirik lagu. Garis panduan tersebut adalah seiring seperti yang disarankan oleh Panel Penilaian Lagu Baru Tempatan (PPLT).

Garis panduan tersebut mensyaratkan lirik lagu yang dihasilkan dalam Bahasa Malaysia tidak boleh dicampuradukkan dengan Bahasa Inggeris dalam satu ayat atau baris. Penggunaan Bahasa Malaysia mesti digunakan sepenuhnya dalam ayat atau baris lagu berkenaan. Bahasa Inggeris boleh dimasukkan dalam lirik lagu bahasa Malaysia tetapi berada di dalam ayatnya sendiri tanpa bercampuraduk dalam lirik bahasa Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN  
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN  
MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [ Pengkalan Chepa ]
TARIKH BERSIDANG :	20 Oktober 2011
SOALAN	

Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [ Pengkalan Chepa ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah Kementerian sedar bahawa kos perubatan di negara ini semakin meningkat yang mendorong rakyat (termasuk warga emas) mengambil insuran tambahan yang tentunya membebankan rakyat. Apakah langkah-langkah Kementerian bagi meringankan beban ini. Apakah Kementerian mempunyai pandangan bahawa kesihatan adalah juga satu bentuk keperluan asasi (*basic need*) terutamanya bagi

rakyat yang kurang mampu.  
Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa memantau peningkatan perbelanjaan perubatan di negara ini melalui sistem *Malaysia National Health Account* Seperti juga lain-lain negara di dunia, kos penjagaan kesihatan meningkat setiap tahun. Antara sebab utama peningkatan perbelanjaan penjagaan kesihatan adalah pertambahan jumlah penduduk dan peningkatan jangka hayat. Perubahan sosiodemografi seperti pertambahan bilangan warga emas ini menyumbang kepada peningkatan jenis penyakit kronik yang terbukti lebih mahal kerana tempoh rawatan adalah seumur hidup. Perkembangan dan kemajuan teknologi perubatan juga turut menyumbang kepada peningkatan kos penjagaan kesihatan.

Sekarang, perkhidmatan kesihatan yang sedia ada di fasiliti Kementerian disediakan dengan kos pembayaran yang amat rendah bagi pesakit. Malahan kerajaan memberi pengecualian pembayaran melalui mekanisma tertentu kepada pesakit yang tidak mampu membayar kos rawatan ini. Di samping itu juga, Kementerian telah mewujudkan Tabung Bantuan Kesihatan sejak tahun 2005 untuk membiayai kos rawatan bagi mereka yang tidak berkemampuan, terutama daripada segi pembelian peralatan pembedahan dan ubat- ubatan.

Kerajaan dan Kementerian sememangnya menitikberatkan tahap kesihatan rakyat dan mahukan rakyat mendapat capaian (*access*)

kepada perkhidmatan kesihatan. Sejak dari zaman SOA 12  
lagi



Kementerian telah melakukan pelbagai usaha membangunkan infrastruktur dan tenaga kerja mahir supaya rakyat mendapat capaian sejagat dalam perkhidmatan kesihatan yang perlu. Mengikut Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan Kedua dahulu, 90% rakyat Malaysia tinggal dalam lingkungan 5 km dari fasiliti kesihatan tetap. Capaian ini dipertingkatkan melalui usaha berkesan Kementerian mengadakan klinik-klinik bergerak dengan menggunakan bas dan bot, serta perkhidmatan doktor udara (*flying doctor services*). Semua ini memastikan rakyat yang kurang mampu tetap mendapat perkhidmatan kesihatan.

Memandang ke hadapan, Kementerian ketika ini sedang merancang transformasi sistem kesihatan negara, iaitu 1Care for 1Malaysia, untuk menambahbaik sistem penyampaian dan pembiayaan perkhidmatan kesihatan Negara. Justeru, 1Care dapat membendung kos rawatan agar tidak melambung sehingga di luar kemampuan rakyat dan rakyat tidak mengalami kemudaratan kewangan yang besar (*catastrophic health spending*) apabila jatuh sakit. Golongan yang tidak berkemampuan dan kurang bernasib baik akan terus dilindungi melalui pembiayaan kerajaan. Penekanan juga diberi kepada tanggungjawab individu, keluarga, komuniti dan sektor korporat agar memainkan peranan dalam perkongsian kos perkhidmatan kesihatan, peningkatan dan penjagaan tahap kesihatan individu dan populasi.

Kementerian telah melakukan pelbagai usaha membangunkan infrastruktur dan tenaga kerja mahir supaya rakyat mendapat

capaian sejagat dalam perkhidmatan kesihatan yang perlu. Mengikut Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan Kedua dahulu, 90% rakyat Malaysia tinggal dalam lingkungan 5 km dari fasiliti kesihatan tetap. **PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT** Capaian ini dipertingkatkan melalui usaha berkesan Kementerian mengadakan klinik-klinik bergerak dengan menggunakan bas dan bot, serta perkhidmatan doktor udara (*flying doctor services*). Semua ini memastikan rakyat yang kurang mampu tetap mendapat perkhidmatan kesihatan.

Memandang ke hadapan, Kementerian ketika ini sedang merancang transformasi sistem kesihatan negara, iaitu *1Care for 1Malaysia*, untuk menambahbaik sistem penyampaian dan pembiayaan perkhidmatan kesihatan Negara. Justeru, *1Care* dapat membendung kos rawatan agar tidak melambung sehingga di luar kemampuan rakyat dan rakyat tidak mengalami kemudaratan kewangan yang besar (*catastrophic health spending*) apabila jatuh sakit. Golongan yang tidak berkemampuan dan kurang bernasib baik akan terus dilindungi melalui pembiayaan kerajaan. Penekanan juga diberi kepada tanggungjawab individu, keluarga, komuniti dan sektor korporat agar memainkan peranan dalam perkongsian kos perkhidmatan kesihatan, peningkatan dan penjagaan tahap kesihatan individu dan populasi.

**Soalan No : 13**

**PERTANYAAN**                      **LISA**  
**DARIPADA**                         **N**  
**TARIKH**                             **Y.B. DATUK ABD. RAHMAN BIN**  
    **BAKRI (SABAK BERNAM)**  
    **20.10.2011**

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI [ SABAK BERNAM ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan kewajaran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mengambil alih penerbitan buku teks bagi kegunaan tahun 2011 dan menamatkan konsesi Dawama Sdn. Bhd. tanpa memberikan Notis Penamatan Konsesi sehingga menyebabkan lebih 400 kakitangan syarikat berkenaan diberhentikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

DBP tidak menamatkan konsesi Dawama Sdn. Bhd. kerana aktiviti penswastaaan bukan semata-mata melibatkan pengendalian buku teks sahaja tetapi juga aktiviti-aktiviti lain seperti pemasaran buku-buku Judul Am termasuk 10 judul majalah terbitan DBP. Pada bulan Februari 2011, DBP telah mengemukakan jadual percetakan dan pengedaran serta anggaran jumlah pesanan buku teks untuk kegunaan tahun 2012 kepada pihak Dawama iaitu bagi membolehkan persediaan membeli bekalan kertas dibuat lebih awal bagi mencetak buku teks cetak semula yang sepatutnya dimulakan pada bulan April 2011. Walau bagaimanapun, kesan daripada masalah kewangannya yang serius, pihak Dawama sehingga bulan Julai 2011 masih belum membeli kertas dan memulakan percetakan buku teks cetak semula. Justeru, DBP demi kepentingan negara, terpaksa membuat keputusan mengambil alih secara sementara aktiviti

penerbitan, percetakan dan pengedaran buku teks untuk kegunaan sesi persekolahan tahun 2012 sehinggalah pihak Dawama berkemampuan dan dapat menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi oleh syarikat.

Tindakan DBP tidak memberikan kerja mencetak buku teks kegunaan tahun 2012 kepada Dawama bukanlah punca masalah Dawama dengan pekerjaanya. Masalah sebenarnya ialah Dawama tidak berkeupayaan dari segi kewangan untuk mengurus syarikat semenjak awal tahun lagi dan ini menjejaskan hubungan Dawama dengan pekerjaanya. Ini dibuktikan dengan laporan polis yang telah dibuat oleh pekerjaanya pada bulan Mac 2011, kerana Dawama tidak membayar caruman KWSP, PERKESO dan pinjaman staf walaupun gaji bulanan mereka telah dipotong. Perlu dijelaskan semenjak tahun 2010, sebarang bayaran oleh DBP kepada Dawama perlu disalurkan melalui sebuah syarikat pemegang amanah yang dilantik oleh pemiutang-pemiutang Dawama. Ini jelas menunjukkan bahawa Dawama menghadapi masalah kewangan yang serius sebelum kerja-kerja percetakan buku teks 2012 diambil alih oleh DBP pada bulan Julai 2011.

Rjm 42

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT  
KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL  
(MACHANG)**

**TARIKH 20 OKTOBER 2011 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang) minta PERDANA**

MENTERI menyatakan:

- (a) Jumlah kutipan wang zakat setiap negeri termasuk Wiyayah Persekutuan Kuala Lumpur mulai 2000 sehingga Jun 2011; dan
- (b) Jumlah penerima zakat dalam kalangan asnaf fakir miskin dan pelajar mengikut negeri dan tahun.

NO. SOALAN: 14.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO SRI  
JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, mengikut Jadual 9 Senarai II (1), Perlembagaan Persekutuan, Hal Ehwal Agama Islam termasuklah kutipan dan agihan zakat adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam (MAIN) masing-masing. Maklumat mengenainya bolehlah merujuk kepada Majlis Agama Islam masing-masing. Bagi Wilayah Persekutuan, jumlah kutipan zakat bagi tempoh 2000 hingga 2010 adalah berjumlah RM1.6 bilion.

(b) B  
erhubung jumlah penerima zakat di Wilayah Persekutuan  
dari kalangan fakir miskin dan pelajar bagi tempoh 2009 hingga  
Ogos 2011 adalah seperti berikut:

Asnaf Fakir i.	=
Asnaf miskin	60,901
ii. Pelajar (Fi Sabilillah)	= 84,828
Jumlah Keseluruhan	145,729 orang

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 15**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB  
[LANGKAWI ]  
TARIKH 20 OKTOBER 2011  
SOALAN

Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [ Langkawi ] minta MENTERI  
KESIHATAN menyatakan:

- a) memandangkan *sea ambulance* di Langkawi tidak beroperasi, adakah kerajaan bercadang menjual kapal tersebut dan menggantikannya dengan sebuah helikopter untuk kegunaan APMM dan Kementerian; dan
- b) apakah tahap penggunaan *sea ambulance* di pulau-pulau lain dan berapakah jumlah dan kos keseluruhan mengadakan *sea ambulance* di seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

a) Perkhidmatan ambulan laut yang dikendalikan oleh Jabatan Laut Malaysia di Pulau Langkawi bermula semenjak tahun 2009 bagi tujuan merujuk pesakit kecemasan dari pulau tersebut ke tanah besar Semenanjung. Selain dari itu, Jabatan Laut turut menggunakan ambulan laut untuk perkhidmatan lain seperti perkhidmatan kerja-kerja keselamatan pelayaran, penyiasatan kemalangan di laut, kerja-kerja menyelam dasar laut dan pemeriksaan hidrografi, operasi mencari dan menyelamatkan di laut dan bantuan logistik laut. Oleh yang demikian perkhidmatan ambulan laut tidak dapat memenuhi sepenuhnya keperluan Hospital Langkawi yang memerlukan kesiapsiagaan ambulan 24 jam.

Pada masa yang sama pihak hospital tidak bergantung sepenuhnya kepada perkhidmatan ambulan laut kerana pengangkutan-pengangkutan lain juga digunakan sebagai kaedah pengangkutan rujukan ke tanah besar seperti feri sewa khas, feri penumpang bagi kes-kes berjalan, feri sewa tempat *stretcher* untuk kes atas usungan, dan sebagainya.

Sepanjang tahun 2009 dan 2010, ambulan laut di Pulau Langkawi telah digunakan untuk mengangkut 34 orang pesakit ataupun 10 peratus daripada keseluruhan jumlah rujukan.

Memandangkan ambulan laut bukan hak milik KKM, cadangan untuk menjual kapal tersebut dan menggantikannya dengan helikopter APMM tertakluk kepada keputusan Jabatan Laut Malaysia.



b) Jabatan Laut Malaysia juga menyediakan perkhidmatan ambulan laut di tujuh buah wilayah iaitu:

- 2 buah di Wilayah Utara (1 di Langkawi; 1 di Pulau Pinang)
- 1 buah di Wilayah Tengah (Pelabuhan Klang, Selangor)
- 1 buah di Wilayah Selatan (Tanjung Pelepas, Johor)
- 2 buah di Wilayah Timur (1 di Tanjung Gemok; 1 di Kuala Terengganu)
- 1 buah di Wilayah Persekutuan Labuan.

Tahap penggunaan *sea ambulance* di pulau-pulau lain selain daripada Langkawi adalah seperti berikut:

<b>PULAU</b>	<b>STATISTIK PESAKIT (ORANG)</b>
PULAU TIOMAN, PAHANG	(2-40RANG) DALAM SEBULAN
PULAU PERHENTIAN, TERENGGANU	(1-2 ORANG) DALAM SETAHUN
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN	(1-3 ORANG) DALAM SEBULAN

Dalam Rancangan Malaysia Ke-8, Jabatan Laut Malaysia telah membina 7 buah kapal kelas katamaran pelbagai misi, setiap satunya sepanjang 26 meter. Kos keseluruhan perolehan 7 buah kapas kelas ini adalah sebanyak RM56 juta (setiap satu kapal RM8 juta).

Secara purata, kos penyelenggaraan berkala bagi setiap satu kapal kelas ini adalah RM 150,000 ke RM200.000 setahun, sepertimana yang diperuntukkan dalam Jadual Kadar Harga dan Senggaraan Bot/Kapal Kerajaan (di bawah kelas C) yang dinyatakan di dalam



Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 2 Tahun 2003 yang berkuatkuasa.  
Walau bagaimanapun, jumlah ini tidak termasuk;

1. Kos alat ganti (bergantung kepada kapal secara berasingan);
2. Kos bahan bakar - penggunaan bahan bakar adalah sebanyak 700 liter sejam; dan
3. Kos operasi - kru sebanyak 6 orang dan lain-lain.

Secara purata, penggunaan sesebuah kapal ini adalah sebanyak RM3.000 sejam, bergantung kepada keadaan cuaca dan gelombang di laut. Pada masa ini selain daripada penggunaan ambulan laut yang dikendalikan oleh Jabatan Laut, KKM juga membelanjakan di antara RM90 ribu hingga RM100 ribu sebulan ataupun RM1.1 juta sehingga RM1.2 juta setahun bagi tujuan pengangkutan alternatif pesakit di pulau- pulau di seluruh negara meliputi semua jenis pengangkutan air seperti bot dan feri penumpang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI  
(BAGAN SERAI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 20.10.2011**

**Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJISAMSURI [ BAGANSERAI ]**  
minta

**MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan Program SPPA iaitu Sistem Pengurusan dan Pemantauan Aset Kementerian Kewangan Malaysia

## NO SOALAN

### JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA) merupakan sistem yang dibangunkan berdasar Pekeliling Perbendaharaan Bil.5 Tahun 2007, Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan dan Pekeliling Perbendaharaan Bil.5 Tahun 2009, Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan. SPPA ini terbahagi kepada dua sub-sistem iaitu Sistem Pengurusan Aset (SPA) di Kementerian/Jabatan dan Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA) di Bahagian Kawalan dan Pemantauan, Perbendaharaan Malaysia. SPPA telah membangunkan sistem MyAsset dan diperluaskan untuk meliputi pengurusan aset dari modul pendaftaran aset sehingga ke modul pelupusan dan hapus kira aset dan seterusnya dilaksanakan di 17 agensi perintis. Sehingga September 2011, bilangan agensi Kerajaan yang telah menggunakan SPA adalah seperti berikut:-

<b>Kementerian</b>	<b>Ibu Pejabat Jabatan</b>	<b>Pusat Tanggungjawab</b>	<b>Jumlah</b>
23	93	163	279

2. S  
PA sedang diperluaskan secara berperingkat-peringkat oleh Kementerian/Jabatan ke PTJ masing-masing dengan bantuan sokongan daripada Pasukan Projek SPA Perbendaharaan Malaysia.

3. D  
engan adanya SPA ini pemantauan dan kawalan pengurusan aset terutamanya di dalam pemantauan pendaftaran aset, penyelenggaraan data aset dan penyediaan laporan dapat dilakukan dengan mudah dan teratur di semua peringkat agensi. SPA telah memberi manfaat seperti berikut:-

- i. mewujudkan pusat pengumpulan maklumat aset alih dan stor Kerajaan;

- ii. menjadi pusat informasi dan rujukan agensi dalam mengurus aset alih dan stor kerajaan;
- iii. mewujudkan pengurusan aset kerajaan yang berkualiti dan lebih teratur;
- iv. penggunaan sistem dan kaedah pengurusan aset dan stor seragam; dan
- v. meningkatkan tahap kesedaran dan nilai kebertanggungjawaban terhadap aset dan stor kerajaan.

4. Untuk makluman, selain SPPA, Kerajaan juga sedang membangunkan Sistem Pengurusan Aset Tak Alih (SPATA) melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi tujuan memantau pengurusan aset tak alih milik Kerajaan seperti tanah, bangunan dan infrastruktur. Kesemua sistem yang dibangunkan ini akan membantu meningkatkan sistem penyampaian Kerajaan.



PERTANYAAN **BAGI JAWAB LISAN**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
DARIPADA **DEWAN RAKYAT**  
Puan Hajah Nancy Binti Haji Shukri  
[Batang Sadong]

TARIKH 20 Oktober 2011 (Khamis)

NO. SOALAN 17

Puan Hajah Nancy Binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian terhadap tambang penerbangan domestik yang terlalu tinggi dikenakan oleh AirAsia dan MAS semenjak kolaborasi kedua-dua syarikat penerbangan yang memonopoli industri penerbangan.

Jawapan:

Untuk makluman Yang Berhormat Batang Sadong, asas penetapan tambang domestik oleh AirAsia dan MAS adalah berdasarkan kepada rasionalisasi sektor perkhidmatan udara domestik pada tahun 2006. Dalam hal ini Kerajaan memutuskan bahawa syarikat-syarikat penerbangan negara yang menyediakan perkhidmatan udara domestik diberikan kebebasan dalam menentukan liputan rangkaian

(*network coverage*), kekerapan penerbangan dan kadar tambang yang ingin ditawarkan.

Dalam hubungan ini, AirAsia dan MAS akan menetapkan kadar tambang penerbangannya dengan mengambil kira beberapa faktor, antara lain, termasuk kos operasi, keadaan ekonomi, faktor-faktor lain seperti harga bahan api, *reasonable profit* dan caj oleh syarikat penerbangan lain yang beroperasi di laluan yang sama.





**PEMBERITAHUAN**

**N PERTANYAAN**

**PERTANYAAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**      **JAWAB LISAN**  
**TUAN CHOW KON YEOW 20**  
**TARIKH**      **OKTOBER 2011 (KHAMIS)**  
**SOALAN**

**TUAN CHOW KON YEOW [ NO. 18 ]** [ Tanjong ] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah dan jenis peruntukan bagi setiap IPTA untuk tahun 2008, 2009, 2010 dan 2011. Adakah perbelanjaan tahunan setiap IPTA diumumkan untuk tinjauan awam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 2 jenis peruntukan yang disalurkan kepada pihak IPTA setiap tahun iaitu Peruntukan Pembangunan dan Peruntukan Mengurus.

Peruntukan Pembangunan yang disalurkan kepada semua IPTA pada tahun 2008 adalah sebanyak RM2.04 bilion, tahun 2009 sebanyak RM4.12 bilion, tahun 2010 sebanyak RM4.42 bilion dan tahun 2011 sebanyak RM2.41 bilion. Manakala bagi Peruntukan Mengurus pula, pada tahun 2008 sebanyak RM6.82 bilion, tahun 2009 sebanyak RM8.14 bilion, tahun 2010 sebanyak RM6.97 bilion dan tahun 2011 sebanyak RM8.37 bilion.

Perbelanjaan tahunan setiap IPTA dinyatakan dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan dan juga melalui Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan yang dibentangkan di Parlimen pada setiap tahun.

MO -  
SdAL/VN".  
~~HQ-AUM-H?~~

***MQR AUP-i***

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN		LISAN
DARIPADA	TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH [ LIMBANG ]	
TARIKH		20 OKTOBER 2011
RUJUKAN		4116

SOALAN:

Tuan Hasbi bin Habibollah [ Limbang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah Kerajaan akan mengambil tindakan ke atas rakyat Malaysia yang menyokong dan mendokong perjuangan komunis dulu dan sekarang, di mana perjuangan ini tidak pernah dan tidak akan mendapat tempat di bumi Malaysia yang tercinta ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Limbang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan memandang serius dan akan mengambil tindakan tegas mengikut undang-undang sedia ada bagi membanteras sebarang usaha untuk mengembalikan ideologi komunis yang mana ianya sams sekali tidak boleh diterima dihati rakyat di negara ini dan bertentangan dengan prinsip Raja Berpelembagaan.

**SOALAN N0:20**

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA

: JAWAB LISAN

TARIKH

: TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN (PASIR PUTEH)

SOALAN

: 20 OKTOBER 2011(KHAMIS)

: TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN (PASIR PUTEH) minta MENTERI

PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan pencapaian KADA dalam mengeluarkan padi dan beras bagi menampung keperluan makanan negara.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI

Tuan Yang Dipertua,

KADA merupakan salah satu daripada lapan Jelapang Padi Negara. Pengeluaran padi di KADA pada tahun 2010 adalah sebanyak 201,135 tan metrik iaitu bersamaan dengan 8% daripada pengeluaran padi negara. Purata pengeluaran padi di KADA adalah sebanyak 3.97 tan metrik per hektar iaitu hampir menyamai purata pengeluaran negara sebanyak 4 tan metrik per hektar.

NO. SOALAN: 21

DEWAN RAKYAT PEMERINTAHAN  
PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE EMPAT  
PARLIMEN KEDUA BELAS \_\_\_\_\_ (2011) \_\_\_\_\_

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA: YB DATUK SAPAWI BIN HJ. AHMAD

TARIKH : 20 OKTOBER 2011 [KHAMIS]

SOALAN

YB Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa jumlah Pusat Latihan Dakwah Jakim di seluruh negara ini, termasuk di Sabah dan Sarawak, dan apakah terdapat cadangan untuk membina pusat seumpamanya di Parlimen Sipitang.

JAWAPAN: (YB. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HJ. BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, pada masa ini Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menubuhkan 9 buah Pusat Latihan Dakwah/Institut Pengajian di seluruh Malaysia termasuk di Sabah dan Sarawak.

Di Sarawak terdapat 3 buah Pusat Latihan Dakwah/Institut Pengajian iaitu Pusat Latihan Sarawak, Pusat Latihan Islam Lawas dan Institut Kemahiran Malaysia Sarawak. Manakala di Sabah, setakat ini terdapat empat buah Pusat Latihan Dakwah iaitu Pusat Latihan Dakwah Kudat, Pusat Latihan Dakwah Keningau, Pusat Latihan Dakwah Kundasang dan Pusat Latihan Dakwah Lahad Datu. Di Semenanjung pula, terdapat dua buah Pusat Latihan Dakwah, iaitu Institut Latihan Islam Malaysia di Bangi, Selangor dan Institut Latihan Islam di Besut, Trengganu.

Mengenai cadangan untuk membina pusat tersebut di kawasan Parlimen Sipitang, Kerajaan mendapati belum berkeperluan membina Pusat Latihan Dakwah/Institut Pengajian di kawasan berkenaan. Penduduk di kawasan Sipitang boleh mendapatkan perkhidmatan di pusat latihan yang terdekat .

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 20 OKTOBER 2011 ( KHAMIS )

DARIPADA Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
[KOTA RAJA]



## SOALAN

Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD [ KOTA RAJA ] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sejauh manakah kuasa yang ada kepada Pesuruhjaya Bangunan (COB) untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas pihak pemaju.  
JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Bangunan dan Harta Bersama Penyenggaraan dan Pengurusan) [Akta 663], COB atau Pesuruhjaya Bangunan telah diberikan kuasa bagi tujuan penguatkuasaan terhadap pihak pengurusan bangunan termasuk pemaju seperti berikut:

- i) Seksyen 5  
Tindakan terhadap pemaju yang gagal menubuhkan JMB/MC.
  
- ii) Seksyen 17(7)  
Tindakan terhadap pemaju yang gagal membuka dan menyelenggara akaun penyenggaraan Bangunan.

**SOALAN(22)**

iii) Seksyen 20(3)

Tindakan terhadap pemaju atau sesiapa yang mengutip caj penyenggaraan tanpa kebenaran.

iv) Seksyen 21(3)

Tindakan terhadap pemaju yang gagal menyerahkan akaun teraudit kepada Pesuruhjaya Bangunan.

v) Seksyen 25 & 26

Pesuruhjaya Bangunan boleh melantik agen pengurusan bagi menjalankan kerja-kerja pengurusan sekiranya pemaju gagal menyenggara sesuatu bangunan.

vi) Seksyen 30

Pesuruhjaya Bangunan boleh membatalkan pelantikan agen pengurusan dan melantik agen pengurusan lain bagi menyenggara bangunan tersebut.

vii) Seksyen 31(6)

Tindakan terhadap pemaju yang gagal membaiki kecacatan pada bangunan.

Tindakan terhadap pemilik petak bagi kegagalan membayar caj

penyenggaraan.

iii) ~~Untuk maklumat~~ **Seksyen 34** Ahli Yang Berhormat, daripada 7,748 kes yang diambil tindakan penguatkuasaan di bawah Akta 663 bagi separuh tahun pertama 2011, sejumlah 7,489 kes atau 96.99% adalah berkaitan dengan seksyen 34 iaitu kegagalan membayar caj penyenggaraan. Di mana, di bawah akta, mana-mana orang yang, tanpa apa-apa sebab yang munasabah, gagal atau enggan membayar caj penyenggaraan dan pengurusan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit dan juga boleh didenda selanjutnya tidak melebihi lima puluh ringgit bagi tiap-tiap hari yang kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2011

**SOALAN NO:23**

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	TAN SRI DATUK SERI FONG CHAN ONN (ALOR
GAJAH)	
TARIKH	20 OKTOBER 2011(KHAMIS)
SOALAN	TAN SRI DATUK SERI FONG CHAN ONN (ALOR
	GAJAH) minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
	ASAS TANI menyatakan dasar dan rancangan
	Kementerian untuk meningkatkan pengeluaran padi negara
	dan dijangka bila akan pengeluaran padi negara mencapai
	tahap sokong diri sepenuhnya.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI

Tuan Yang Dipertua,

Dalam memastikan pengeluaran padi negara terus meningkat serta kebergantungan terhadap beras import dapat dikurangkan, Kerajaan akan memberikan tumpuan pada peningkatan hasil dan pengurusan komersial penanaman padi di kawasan jelapang dan luar jelapang sedia ada melalui pelaksanaan langkah jangka pendek/sederhana dan jangka panjang seperti berikut:

Langkah Jangka Pendek/Sederhana:

- i) Pengenalan varieti baru seperti MR253, MR263, MR220 CL1 atau MR220 CL2 dan MRQ74;
- ii) Pengurusan input seperti baja, racun dan kapur yang lebih berkesan;
- iii) Penggunaan jentera atau mekanisasi besar/kecil;
- iv) Amalan pertanian baik; dan
- v) Penyelenggaraan dan menaiktaraf infrastruktur pengairan dan saluran.

Langkah jangka panjang bagi meningkatkan produktiviti tanaman padi sehingga tahun 2020 adalah melalui pelaksanaan program-program di bawah *National Key Economic Area* (NKEA) Pertanian iaitu di bawah *Entry Point Project* (EPP) 10 dan EPP 11. Untuk makluman, program-program ini yang bertujuan memperbaiki kaedah pengurusan tanaman padi telahpun dimulakan sejak tahun ini.

Kerajaan juga sentiasa berusaha bagi memastikan negara mampu mencapai tahap sara diri sepenuhnya dalam pengeluaran beras namun tidak menetapkan tempoh yang khusus bagi mencapai sasaran tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan ada merancang untuk mencapai SSL 88% menjelang 2015.

Sekiranya berlaku sebarang krisis yang mungkin memberi kesan terhadap keperluan beras dalam negara, Kementerian akan menggunakan stok penimbal beras yang telah ditetapkan pada tahap 292,000 tan metrik. Stok penimbal tersebut dapat menampung keperluan rakyat selama 45 hari.

Namun begitu, jika mengambil kira pegangan stok beras iaitu stok penimbal, stok dagangan BERNAS, stok pengilang, pemborong dan peruncit dalam satu-satu masa, keperluan beras dalam negara dijangka dapat bertahan selama 3 hingga 4 bulan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 20 OKTOBER 2011 ( KHAMIS )

DARIPADA Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM  
[SEPUTEH]

SOALAN

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan bilangan rumah mampu milik yang akan dibina oleh Kerajaan Pusat untuk penduduk miskin di seluruh negara. Sila nyatakan harga "rumah mampu milik" yang ditetapkan oleh Kementerian dan dasar Kementerian untuk mengatasi masalah kenaikan harga rumah di Malaysia.

## JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sangat mengambil berat mengenai keperluan perumahan yang membabitkan golongan miskin dan berpendapatan rendah di seluruh negara. Untuk itu, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) Kerajaan telah mensasarkan untuk membina sebanyak 78,000 unit rumah kos rendah awam (RKR) di seluruh negara di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Program Bantuan Rumah (PBR).

Kerajaan juga prihatin terhadap keperluan perumahan golongan yang berpendapatan sederhana. Oleh itu, Kerajaan telah melancarkan Program Perumahan 1 Malaysia (PR1MA) yang berkonsepkan '*Public Private Partnership*' (PPP) dengan objektif untuk memastikan golongan yang berpendapatan sederhana (pendapatan isi rumah tidak melebihi RM6,000 sebulan) mampu memiliki rumah sendiri dengan harga yang berpatutan iaitu di antara RM 150,000 sehingga RM300,000 bergantung kepada lokasi.

Berdasarkan kepada program-program yang dinyatakan, bolehlah



ditakrifkan bahawa harga rumah mampu milik adalah rumah yang berharga RM300.000 ke bawah.

Kerajaan sedar mengenai kenaikan harga rumah di Malaysia. Oleh itu, kerajaan telah melaksanakan beberapa mekanisme kawalan iaitu melalui pengurangan "*Loan to Value*" (LTV) kepada 70% sahaja bagi pinjaman perumahan untuk pembelian rumah ketiga dan seterusnya. Selain daripada itu, kerajaan juga telah memperkenalkan semula Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) mulai 1 Januari 2010 dengan tujuan untuk mengurangkan aktiviti spekulasi yang menyebabkan kenaikan harga rumah di Malaysia. Kerajaan akan terus memantau kenaikan harga rumah di Malaysia dan akan mengenakan langkah-langkah tambahan untuk mengawal harga rumah jika perlu.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan

Tempatan Oktober 2011

SOALAN NO: 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN DARIPADA: Y.B.

PUAN CHONG ENG

TARIKH: 20 OKTOBER 2011

SOALAN:

Puan Chong Eng [ Bukit Mertajam ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah kesan pengambilan pekerja asing ke atas peluang pekerjaan kaum wanita kita, khasnya wanita daripada keluarga yang berpendapatan rendah. Apakah usaha untuk menghapuskan kemiskinan di kalangan kaum wanita.

PR-1243-L45749

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan mengambil berat tentang kepentingan wanita serta mengiktiraf wanita selaku 'rakan pembangunan negara' (*partners in national development*). Malaysia mengamalkan sistem pasaran bebas yang memberikan peluang yang sama rata kepada semua



warganegara tanpa mengira bangsa dan gender selaras dengan gagasan 1 Malaysia.

2. Kemasukan pekerja asing ke negara ini tidak memberi sebarang kesan ke atas peluang pekerjaan bagi kaum wanita di negara ini. Kemasukan pekerja asing hanya dibenarkan dalam sektor tertentu yang telah dikenalpasti kurang diminati oleh warganegara. Sebelum sesuatu permohonan bagi menggaji pekerja asing diberi sokongan, Kementerian Sumber Manusia (KSM) akan meneliti terlebih dahulu keperluan tenaga kerja oleh syarikat berkenaan dan memastikan bahawa kekosongan jawatan tersebut ditawarkan kepada warga tempatan terlebih dahulu.

3. Bagi membantu golongan wanita daripada keluarga miskin yang berpendapatan rendah, KSM telah melaksanakan Program Penempatan Azam Kerja 1 Malaysia. Program ini dilaksanakan bagi membantu ketua isi rumah (KIR) dan anggota isi rumah (AIR) yang telah dikenalpasti. Melalui program ini mereka yang produktif akan ditawarkan peluang pekerjaan atau program-program bagi menjana pendapatan bagi meningkatkan pendapatan isi rumah.

4. Untuk Makluman Dewan Yang Mulia, bagi tahun 2011, seramai 3,893 peserta telah dikenalpasti dan tindakan susulan telah diambil bagi membantu 2,254 daripada mereka. Daripada jumlah yang telah diambil tindakan, seramai 1,930 adalah mereka yang produktif. Manakala seramai 1,584 telah berjaya ditempatkan dalam pekerjaan dan program-program menjana pendapatan.

SOALAN NO

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
LISAN

PERTANYAAN  
DARIPADA  
KAWASAN  
TARIKH

**Y.B. TUAN NGA KOR MING TAIPING**  
**20 OKTOBER 2011 (KHAMIS)**

**Y.B. SOALAN:** **TUAN NGA KOR MING (TAIPING)** minta  
**MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status  
terbaru serta nilai kos projek pembinaan lebuh raya  
Segari Changkat Jering dan pembinaan lapangan terbang baru di negeri Perak.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Menaik Taraf Jalan Persekutuan 60 (FT60) dari Manjung ke Taiping sememangnya merupakan antara projek berkeutamaan tinggi yang telah dicadangkan kementerian ini untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-IO).

Skop projek tersebut ialah menaik taraf jalan Persekutuan FT 60 sedia ada dari Kg. Batu 3, Manjung hingga ke Changkat jering, Taiping kepada 4 lorong 2 hala (*dual carriageway*) sepanjang 70 kilometer. Anggaran kos keseluruhan projek ialah sebanyak RM700 juta, termasuk kos pengambilan tanah dan pengalihan utiliti. Pada masa kini, kerja-kerja rekabentuk telah disiapkan manakala kerja-kerja pengambilan balik tanah akan dimulakan pada tahun depan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan sebuah lapangan terbang yang baru di Negeri Perak adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan Malaysia. Walau bagaimanapun berdasarkan input dari Kementerian Pengangkutan, Kerajaan setakat ini tiada berkeutamaan untuk membina sebuah lagi lapangan terbang yang baru di Negeri Perak. Namun demikian, Kerajaan telah melantik kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf Lapangan Terbang Sultan Azlan, Ipoh. Skop projek tersebut antara lain termasuk cadangan pemanjangan dan pelebaran landasan sedia ada dan menaik taraf kompleks bangunan. Projek dengan kos kontrak sebanyak RM37.36 juta itu telah dimulakan pada 13 April 2011 dan dijangka siap

pada 29 Ogos 2012.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN

HAJI ABD. MUTTALIB (MARAN)

TARIKH 20 OKTOBER 2010 (KHAMIS)

SOALAN

Y.B. Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib (Maran) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan terdapat rungutan masyarakat yang memerlukan bantuan terhadap kelewatan dan pelbagai kerenah birokrasi dalam mendaftar dan memohon bantuan di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Dalam tempoh lima (5) tahun, secara statistik berapakah kes-kes permohonan bantuan dapat diselesaikan

dan berapakah kes yang masih tertunggak. Adakah perancangan

pihak Kementerian dalam menambah baik sistem pendaftaran yang sedia di JKM.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat prihatin dalam membela nasib golongan yang memerlukan bantuan. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah membelanjakan sebanyak RM1.2 bilion kepada 424,526 orang penerima bantuan di seluruh negara pada tahun 2010.

Bagi meningkatkan prestasi sistem penyampaian dan mengurangkan karenah birokrasi, JKM telah mengambil tindakan proaktif dengan melaksanakan kaedah, dengan izin, "*Business Process Reengineering (BPR)*" atau Perekayasaan Proses dan Prosedur



## JAWAPAN:

Kerja (PPPK) sejak bulan April 2011 di seluruh negara. Kaedah ini membantu mempercepatkan dan memudahkan proses pengurusan bantuan di mana:

- i. Permohonan terus diproses sewaktu klien berada di kaunter semasa memohon perkhidmatan;
- ii. Bagi kes-kes yang, dengan izin, '*clear cut*', contohnya OKU fizikal yang memohon Elaun Pekerja Cacat (EPC) serta permohonan yang mempunyai dokumen lengkap, lawatan ke rumah klien tidak perlu dilakukan dan kelulusan diberikan serta- merta;
- iii. Penggunaan sistem e-Bantuan telah mempercepatkan proses kerja dan seterusnya proses pembayaran;
- iv. Kepuasan klien dapat dipertingkatkan di mana klien tidak perlu menunggu lama untuk mengetahui keputusan permohonan yang telah dibuat; dan

- v. Agihan penugasan pegawai JKM dilakukan lebih sistematik dan teratur susulan penggunaan sistem e-Bantuan.

Jumlah kes permohonan bantuan yang diterima oleh JKM pada tahun 2007 ialah sebanyak 37,422 kes, 2008 (96,439 kes) dan 2009 (236,212 kes). Sukacita saya nyatakan bahawa kesemua kes permohonan bantuan dari tahun 2007 hingga 2009 telah dapat diselesaikan.

Bagi tahun 2010, bilangan permohonan baru bagi bantuan adalah sebanyak 200,978 kes manakala bagi tahun 2011 iaitu sehingga bulan Mei sebanyak 100,695 permohonan telah diterima. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 191,563 kes pada tahun 2010 dan 86,428 kes pada tahun 2011 telah berjaya diselesaikan. Sehingga bulan Mei 2011, terdapat hanya sebanyak 14,267 kes permohonan bantuan yang belum diselesaikan. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yakin kesemua kes tertunggak ini dapat diselesaikan pada akhir tahun 2011.

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
[ SUNGAI SIPUT ]  
TARIKH 20 OKTOBER 2011  
RUJUKAN 4115

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan keputusan aduan tatatertib yang dilaporkan pada 17 Ogos 2011 di Bukit Aman, bahawa wanita yang ditahan di Balai Polis Seberang Perai Utara pada 26 Jun 2011 dipaksa menyalin pakaian di hadapan pegawai lelaki.  
JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Siput yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pada 17 Ogos 2011, Unit Pengaduan Urus Setia KPN (Tatatertib) Bukit Aman telah menerima satu aduan daripada En. Mohanarani R. berkaitan perkara yang dibangkitkan oleh Y.B. Sungai Siput.

Perkara yang dibangkitkan adalah merujuk kepada kejadian penahanan seramai 31 orang aktivis dan penyokong parti Sosialis Malaysia (PSM) oleh sepasukan polis dari IPD Seberang Perai Utara pada 25 Jun 2011 lebih kurang jam 3.30 petang. Seramai 14 orang wanita dan 17 orang lelaki yang ketika itu berada di dalam sebuah bas telah ditahan di kawasan selepas Plaza Tol Sungai Dua Seberang Perai Utara arah selatan dan seterusnya mereka di bawa ke Balai Polis Sungai Dua untuk siasatan lanjut. Semasa siasatan dijalankan, kesemua tangkapan telah diarahkan untuk menukar pakaian kepada pakaian lokap mengikut tatacara lokap yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, sebahagian tangkapan wanita tersebut kurang memberikan kerjasama kepada pihak Polis.

Sehubungan dengan itu, Urus Setia KPN (Tatatertib) Bukit Aman

telah memulakan siasatan terperinci untuk mengenal pasti sekiranya wujud salah laku pelanggaran peraturan atau undang-undang semasa menangani kes tersebut oleh pegawai dan anggota Polis yang terlibat. Siasatan mengenai perkara ini masih berjalan dan sekiranya terdapat bukti-bukti pelanggaran dari sudut tatatertib, pihak PDRM tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas ke atas pegawai dan anggota Polis yang terlibat.



**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN DARIPADA</b>	<b>LISAN Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN</b>
<b>KAWASAN</b>	<b>HULU SELANGOR</b>
<b>TARIKH</b>	<b>20 OKTOBER 2011 (KHAMIS)</b>
<b>NO. SOALAN :</b>	<b>29</b>

**Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN** meminta **MENTERI PERDAGANGAN ANT ARAB ANGS A DAN INDUSTRI** menyatakan apakah jenis bantuan yang dapat disalurkan kepada industri Kecil dan Sederhana di luar bandar khususnya di Hulu Selangor dari segi penaiktarafan infrastruktur dan sehingga **kini, berapakah jumlah** bantuan yang telah disalurkan kepada Industri Kecil dan Sederhana di Hulu Selangor.

Tuan Yang **Dipertua,**

Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia keSembilan (RMK- 9), **Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)** melalui **SME Corp. Malaysia** telah menyediakan pelbagai jenis bentuk bantuan kepada **Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)** dari segi kemudahan pembiayaan

mudah, program bina upaya serta bimbingan, dan khidmat  
nasihat kepada PICS yang beroperasi di luar bandar. *SMB*  
Corp tidak menyediakan bantuan khas bagi penaktarafan  
infrastruktur kepada PKS di luar bandar, namun  
bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan  
dalam menangani isu-isu berkaitan Infrastruktur asas.

Dalam **tempoh RMK-9**, sejumlah 22,513 permohonan skim  
geran dan pinjaman mudah telah diluluskan. Daripada jumlah  
tersebut sebanyak 8,984 permohonan telah diluluskan kepada  
usahawan di negeri Selangor dengan jumlah pembiayaan  
sebanyak RM419.95 juta. Dalam tempoh tersebut juga  
sebanyak 18 permohonan telah diterima daripada usahawan  
di Hulu Langat, dengan  
11 daripadanya yang terdiri daripada pelbagai sektor telah  
disyorkan dengan pembiayaan geran berjumlah  
**RM366.476.50**. Geran-geran tersebut digunakan untuk  
perobangunan produk, proses dan teknologi, pemasaran, dan  
modal permulaan perniagaan.

Di bawah Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10), Suruhanjaya  
Perdagangan Malaysia telah menerima RM78 juta bagi tahun 2011

i) **Program peningkatan kemahiran mengenai**



pengurusan kewangan, pemasaran dan promosi produk halal dengan 48,418 penvertaan sehingga 31 Qgos 2011: dan

- ii) SMEInternship University Program dengan 78 penyertaan PKS melibatkan 385 pelajar daripada 12 universiti awam tempatan.

Di samping mengekalkan program-program sedia ada, dua program baru iaitu dengan Szin **Business Accelerator**

Programme (BAP) dan **Enrichment & Enhancement Programme** (Ef) juga diperkenalkan. Kedua-dua program tersebut adalah bertujuan membantu PKS untuk menguatkan teras perniagaan, membina keupayaan dan kapasiti. serta kemudahan akses kepada pembiayaan. Kedua-dua Program tersebut diuruskan bersama SME Bank dan Bank Rakyat menumpukan kepada skim pinjaman mudah bagi membangunkan modal kerja serta kapasiti svarikat diterima untuk kedua-dua program tersebut. Daripada jumlah tersebut sebanyak 71 syarikat PKS di Selangor sedang dibSrobing di bawah Program Sni. Buat masa ini, satu syarikat PKS dari Hulu Selangor sedang dinilai

pada peringkat akhir untuk menyertai program ini. Usaha-usaha secara **berterusan** akan **diambil** dalam **mempromosi program ini termasuk meningkatkan penvertaan PKS dari Hulu Selangor,**

**JAWAPAN:**

No - SoALAn/ • 3 0

~~NG. AUP-r~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN CHOW KON YEOW [ TANJONG ]

TARIKH

20 OKTOBER 2011

RUJUKAN

4117

SOALAN:

Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah mengikut jantina dan negara asal yang telah mendaftarkan diri dalam Program 6P. Apakah bilangan orang yang berdaftar mengikut setiap negeri.

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima Kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Tanjong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah berjaya melaksanakan proses Pendaftaran bagi Program Penyelesaian Menyeluruh Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) atau Program 6P ini, seterusnya memperoleh rekod statistik keseluruhan bagi pendaftaran PATI dan pekerja asing yang sah di Malaysia. Proses Pendaftaran Pendatang Asing Tanpa izin (PATI) iaitu fasa pertama dalam Program 6P bermula pada 1 hingga 31 Ogos 2011. Seramai 2,320,034 orang PATI dan pekerja asing sah telah berdaftar melalui sistem biometrik ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,303,126 (56%) adalah PATI dan seramai 1,016,908 orang (44%) pula adalah pekerja asing yang sah.

Tuan Yang Di-Pertua,

Melalui Program 6P ini, rekod Jabatan Imigresen Malaysia menunjukkan, pekerja asing sah dan PATI warganegara Indonesia merupakan jumlah tertinggi iaitu seramai 1,045,921 iaitu terdiri dari 405,312 pekerja asing sah dan 640,609 PATI.

**JAWAPAN:**

Warganegara Bangladesh adalah golongan kedua terbesar dengan jumlah 400,700 orang iaitu 132,897 bagi pekerja asing yang sah dan 267,803 bagi PATI. Ini diikuti dengan negara Myanmar (257,583), Nepal (255,054) dan India (107,427). Dari segi jantina, jumlah lelaki adalah 977,140 atau 75 peratus.

Tuan Yang Di-Pertua,

Negeri Selangor mencatatkan pendaftaran yang tertinggi. Jumlah PATI yang didaftarkan di Selangor ialah seramai 353,306 orang dan jumlah pekerja asing sah 200,100 orang menjadikan jumlah seramai 553,406 orang. Di WP Kuala Lumpur pula, seramai 330,321 orang PATI dan 58,020 orang pekerja asing sah menjadikan jumlah seramai 388,341 orang. Johor pula mencatatkan seramai 331,661 orang yang terdiri dari 128,064 orang PATI dan 203,597 orang pekerja asing sah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON  
[ TANGGA BATU ]  
TARIKH : 20 OKTOBER 2011  
RUJUKAN : 4118

SOALAN:

Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [ Tangga Batu ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan di dalam rekod rasmi Kerajaan siapakah Ketua Parti Komunis Malaya sebelum negara mencapai kemerdekaan dan siapakah ketua pengganasnya pada ketika itu. Sebelum peletakan senjata komunis Malaya pada tahun 1989, siapakah ketua parti itu dan siapa pula ketua pengganasnya.  
Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu Gajah mengemukakan pertanyaan.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Ketua Parti Komunis Malaya (PKM) dan ketua pengganas sebelum negara mencapai kemerdekaan dan sebelum perletakan senjata pada 2 Disember 1989 ialah Chin Peng.

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJIMOHD ABDUL WAHID BIN HAJI  
ENDUT  
(KUALA TERENGGANU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 20.10.2011**

**Y.B. TUAN HAJI MOHD ABDULWAHID BIN HAJI ENDUT [ KUALA  
TERENGGANU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah "Dana Khas" dari wang Royalti Petroleum Terengganu yang telah dibayar kepada Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 2005, 2006, 2007, 2008, 2009, 2010 dan 2011.

**JAWAPAN**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian tunai Dana Khas Kerajaan

Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Terengganu dari tahun 2005 hingga 2011 adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>PEMBERIAN TUNAI (RM)</b>
2005	1,099,000,000
2006	1,996,101,281
2007	1,369,475,800
2008	1,600,000,000
2009	1,394,100,000
2010	1,600,000,000
2011	1,600,000,000
<b>JUMLAH</b>	<b>10,658,677,081</b>

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian bagi tahun 2011 adalah sehingga 28 September 2011.

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR**

**(POKOK SENA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 20.10.2011**

**Y.B. DATO<sup>1</sup> HAJI MAHFUZ BIN OMAR [ POKOK SENA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah kos jangkaan terbaru pembinaan projek bangunan 100 tingkat (Menara Warisan Merdeka) oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) serta kemajuan cadangan pelaksanaan projek tersebut

**JAWAPAN**



NO SOALAN >3^55

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MAL**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Menara Warisan Merdeka akan dibangunkan oleh anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), iaitu PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd. Kos pembinaan Menara 100 tingkat termasuk komponen pejabat, hotel, pangsapuri berservis, dek pemerhatian dan kompleks membeli-belah setakat ini dianggarkan berjumlah RM5 billion. PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd kini sedang melaksanakan kajian tanah dan dalam proses menyiapkan pelan induk pembangunan serta reka bentuk Menara 100 tingkat tersebut untuk kelulusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Pembinaan Menara ini dijadualkan bermula pada awal tahun 2012 dan dijangka akan siap pada tahun 2017.

~~NO. AUM : 28~~

NOr AUP»:

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN :	LISAN
DARIPADA	TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [ SELAYANG ]
TARIKH	20 OKTOBER 2011
RUJUKAN	4119

SOALAN:

Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sebab-sebab Kerajaan menghantar pulang 11 orang etnik Uighur yang mencari suaka politik di Malaysia ke China dan prosedur Kerajaan untuk menghantar pulang orang asing atas permintaan Kerajaan asing.

Jawapan :  
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Selayang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pihak polis telah menangkap beberapa orang warganegara China kerana disyaki terlibat dalam sindiket penyeludupan manusia ke negara ketiga dengan menggunakan Negara Malaysia sebagai negara transit.

Sehubungan dengan itu, pada 17 Ogos 2011, Kerajaan China telah memohon supaya mereka dihantar pulang ke China untuk tindakan pihak berkuasa China atas dakwaan bahawa mereka terlibat didalam aktiviti penyeludupan manusia. Prosedur penghantaran ini adalah berdasarkan permohonan mereka melalui Wisma Putra menerusi Nota Diplomatik.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH  
[SUBANG]  
TARIKH 20 OKTOBER 2011  
SOALAN

Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan hasil siasatan Jawatankuasa Siasatan (*Investigation Committee*) yang ditubuhkan oleh Kementerian bagi menyiasat kes menembak gas pemedih mata dan menyembur air berkimia ke dalam

**SOALAN NO: 88**

kawasan Hospital Tung Shin pada 9 Julai 2011.

Tuan Yang di-Pertua

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali bersama-sama dua (2) soalan lain yang menyentuh isu berkaitan kes menembak gas pemedih mata dan menyembur air berkimia ke dalam kawasan Hospital Tung Shin (HTS) pada 9 Julai 2011 iaitu pertanyaan daripada YB Petaling Jaya Selatan bertarikh 22 November 2011 dan YB Kubang Kerian bertarikh 22 November 2011 kerana pertanyaan- pertanyaan ini adalah berkaitan antara satu sama lain.

I

Tuan Yang di-Pertua

Melalui Kenyataan Akhbar oleh Ketua Setiausaha (KSU), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan juga KSU, Kementerian Dalam Negeri (KDN), yang telah dikeluarkan melalui kenyataan akhbar dan disiarkan dalam akhbar Utusan Malaysia dan New Straits Times pada 5 Oktober 2011 (Rabu), telah menjelaskan hasil penyiasatan terhadap wujudnya semburan air (*water-cannon*) dan tembakan gas pemedih mata (*tear gas*), ke arah HTS semasa berlakunya insiden perhimpunan haram oleh kumpulan BERSIH 2.0 pada tarikh 9 Julai 2011. Hasil siasatan adalah seperti berikut, iaitu;

- (a) Berlaku semburan air (*water-cannon*) oleh anggota keselamatan PDRM, ke arah penunjuk perasaan (*demonstrators*) yang sedang berkumpul di tempat parkir kenderaan bertingkat dan pintu masuk utama Hospital Tung Shin (HTS);

- (b) Berlaku tembakan gas pemedih mata (*tear gas*) dari arah premis Waz Lian oleh anggota PDRM *ke arah penunjuk perasaan (demonstrators)* yang sedang berkumpul di tempat letak kereta awam yang sebenarnya terletak di luar kawasan Hospital Tung Shin (HTS); dan
- (c) Berlaku lontaran 'bom asap' oleh anggota PDRM, *ke arah penunjuk perasaan (demonstrators)* yang sedang berkumpul di tempat parkir kenderaan Hospital Bersalin Cina (*Chinese Maternity Hospital @ CMH*), pada 9 Julai 2011.

Berhubung hasil siasatan yang menunjukkan berlakunya lontaran bom asap di kawasan *CMH*, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memandang serius kejadian ini dan telah membawa perkara ini ke perhatian Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk diambil tindakan yang sewajarnya terhadap anggota PDRM yang terlibat (melakukan lontaran

bom asap), bagi tujuan memastikan perkara yang sama tidak akan berulang lagi di masa-masa akan datang.

Selain daripada itu, berikut adalah penemuan (*findings*) berdasarkan siasatan yang telah dijalankan oleh Jawatankuasa Siasatan Dalam Peringkat Tinggi KKM dari aspek '*impak*', mengenai dakwaan insiden tersebut, iaitu;

- (a) TIADA sebarang aduan rasmi telah dibuat oleh mana-mana *in-house patient*, ataupun 'penjaga' kepada *in-house patient* ataupun 'pelawat' kepada *in-house patient*, kepada pihak pengurusan Hospital Tung Shin (HTS), terhadap sebarang kecederaan, 'kacau-ganggu' (*disturbance*) ataupun *traumatic*, ekoran daripada insiden pada 9 Julai 2011;
- (b) Akibat daripada rempuhan oleh para penunjuk perasaan (*demonstrators*) pada hari berlakunya perhimpunan haram oleh kumpulan BERSIH 2.0, maka berlaku kerosakan kepada pagar di sebelah tempat parkir kenderaan Hospital Tung Shin (HTS); dan
- (c) TIADA sebarang gangguan berlaku terhadap operasi dan pengurusan di HTS, pada hari berkenaan.

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]  
TARIKH 20 OKTOBER 2011  
RUJUKAN 4120

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kos MCAD (*Mobile Card Acceptance Device*) dan kos

NO. SOALAN : 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

aplikasi “*Mydistress*”, berapa orang yang memuat naik aplikasi “*Mydistress*”, berapa laporan telah diterima melalui “*Mydistress*”, nama pembekal dan negara asal perbuatan MCAD dan aplikasi “*Mydistress*”, ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Segambut yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dan Dewan Yang Mulia ini, kos perolehan peralatan MCAD (Mobile Card Acceptence Device) ialah berjumlah RM4,400,000.00 bagi pembekalan 1100 unit dan

telah dilaksanakan secara tender terbuka. Kos ini meliputi pembekalan peralatan, penghantaran, pemasangan, pengujian dan pentauliahan peralatan, melaksanakan integrasi dengan perisian dan rangkaian sedia ada dan memberi latihan kepada pengguna. Peralatan ini dibekalkan oleh syarikat TricubesNCR JV Sdn. Bhd., dengan model HTC (T5000), negara asal pembuat ialah Australia dan sleeve pula dikeluarkan oleh Malaysia.

Bagi menjawab soalan berkenaan aplikasi 'Mydistress' pula, kos pembekalan peralatan tersebut ditanggung oleh sebuah syarikat tempatan sebagai *corporate social responsibility* (CSR) mereka dan melantik syarikat Convep Mobilogy Sdn. Bhd. sebagai syarikat pembekal. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sehingga 14 Oktober 2011 seramai 44,394 orang telah berdaftar dengan sistem ini dan sehingga kini sebanyak 27 '*distress call*' telah dibuat dan PDRM Selangor telah mengambil tindakan yang sewajarnya berkenaan perkara tersebut.



SOALAN NO:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN  
DARIPADA

JAWAB LISAN DATO' NGEH KOO HAM  
[ BERUAS ]

TARIKH

20 OKTOBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap TV1 dan TV3 yang sering melaporkan berita palsu atau berita yang tidak tepat.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan melalui Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) sentiasa menyiarkan berita yang mempunyai fakta dan nilai pemberitaan melalui sumber yang relevan dan disunting mengikut garis panduan siaran yang ditetapkan. Tidak timbul isu berita palsu dan berita tidak tepat kerana sesuatu liputan berita itu pasti ada fakta berkaitan untuk didedahkan kepada orang ramai. Sehubungan itu, orang ramai sentiasa boleh pada bila-bila masa menafikan berita berkenaan sekiranya mempunyai bukti.

**SOALAN NO: 94**

Secara umumnya, kerajaan sentiasa memantau dan memastikan semua liputan sesuatu peristiwa mematuhi peraturan dan tatacara yang ditetapkan.

Media di Malaysia mempunyai kebebasan menyuarakan pendapat masing-masing mengenai sesuatu isu. Mereka bebas melaporkan apa sahaja selagi ia tidak melanggar undang-undang negara. Kebebasan media secara mutlak tidak bererti pihak media sewenang-wenangnya menyiarkan bahan yang boleh memporak-perandakan masyarakat dan negara dengan mengabaikan tanggungjawab untuk memelihara keharmonian negara.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN GWO-BURNE LOH  
[KELANA JAY A]

TARIKH 20 OKTOBER 2011

SOALAN:

TUAN GWO-BURNE LOH minta PERDANA MENTERI menyatakan anggaran masa dan kos untuk mengamalkan sistem pilihan raya melalui pengundian biometrik berbanding dengan dakwat kekal.

SOALAN NO.38

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR telah memaklumkan bahawa mereka sedang di peringkat mengkaii sama ada untuk menggunakan sistem biometrik atau pun menggunakan dakwat kekal bagi verifikasi pemilih semasa pilihan raya. Justeru tidak timbul soal masa dan kos seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Bagaimanapun, kaedah sedia ada yang diamalkan pada masa ini, masih lagi relevan dan selamat serta menjamin ketelusan proses pengundian yang dilaksanakan.

Pun begitu, sekiranya Ahli Yang Berhormat berpendapat proses pilihan raya yang sedia ada perlu ditambahbaik lagi. maka eloklah dikemukakan pandangan dan cadangan tersebut kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya untuk dikaii sebelum dikemukakan kepada SPR untuk dilaksanakan menoiikut masa dan keadaan serta kemampuan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**SOALAN ( 39 )**

TARIKH                    20 OKTOBER 2011 ( KHAMIS )  
DARIPADA                Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA  
                                  [ PARIT ]

**SOALAN**

Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA [ PARIT ] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan adakah kontraktor sedia ada diberikan peluang untuk meneruskan perkhidmatan menguruskan sisa pepejal setelah penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam ataupun syarikat konsesi yang berkuasa melantik kontraktor-kontraktor di kawasan berkenaan.

## JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam perjanjian konsesi, pihak Kerajaan telah mewajibkan syarikat-syarikat konsesi agar terus memberi peluang kepada kontraktor sedia ada untuk meneruskan perkhidmatan menguruskan sisa pepejal dan pembersihan awam. Kontraktor kutipan sisa pepejal akan terus diberikan kontrak tidak melebihi 7 tahun, manakala pembersihan awam tidak melebihi 2 tahun.

Perlantikan selama 7 tahun atau 2 tahun ini bagaimanapun tertakluk kepada tahap atau kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh kontraktor berkaitan sepanjang tempoh kontrak mematuhi petunjuk prestasi utama yang ditetapkan seperti dalam perjanjian konsesi.

Kementerian  
Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

Oktober 2011

LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN  
(BANDAR KUCHING)

TARIKH

**20.10.2011**

SOALAN:

Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN [ BANDAR KUCHING ] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah sebab pembatalan polisi Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Inggeris (PPSMI) di sekolah menengah menjelang tahun 2012. Apakah langkah yang telah diambil agar murid-murid dapat menyesuaikan diri mereka terhadap pertukaran itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada dasarnya apabila Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) dimansuhkan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah merangka dan sedang melaksanakan beberapa pendekatan supaya kohort murid yang berada dalam sistem tidak terganggu pembelajaran mereka dan terus terbela.

Justeru, KPM telah memperkenalkan pendekatan *soft landing* yang dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran (P & P) mata pelajaran Sains dan Matematik. Pendekatan *soft landing* ini bermaksud P&P mata pelajaran Sains dan Matematik boleh dilaksanakan dalam dwibahasa mengikut keupayaan seseorang guru dan murid itu sendiri. Dalam masa yang sama, kertas-kertas

**Soalan No : 40**

peperiksaan juga disediakan dalam dwibahasa dan terpulang kepada murid untuk menjawab dalam bahasa yang mereka mudah faham.

**BERMERTUAH PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** Ahli Yang Berhormat, proses ini akan berlangsung bagi kohort yang telah berada dalam sistem PPSMI mulai tahun 2010 dan akan digerakkan secara beransur-ansur mengikut fasa Memartabat Bahasa Melayu Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Ini bertujuan untuk membantu guru dan murid menyesuaikan diri dengan peralihan penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran tersebut. Ini juga untuk memastikan dasar baru ini dapat dilaksanakan dengan terancang serta meminimakan permasalahan P & P yang sedang berlangsung sekarang.

Justeru, pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik di semua peringkat sekolah kecuali Tahun 1, boleh menggunakan bahasa Inggeris atau dwi bahasa sehingga kohort terakhir PPSMI. Pada masa yang sama, peperiksaan Sains dan Matematik dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang telah pun dilaksanakan dalam dwibahasa akan diteruskan sehingga kohort ini selesai pengajian mereka.

SOALAN NO: 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 20 OKTOBER 2011

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan kedudukan kelewatan kes Mahkamah Perusahaan membuat keputusan bagi menggantikan hakim setelah berlaku kekosongan.

PR-1243-L46137

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk Makluman Dewan Yang Mulia, Mahkamah Perusahaan di bawah Kementerian Sumber Manusia mempunyai 28 penjawatan meliputi satu (1) jawatan Yang Dipertua dan 27 jawatan Pengerusi-Pengerusi Mahkamah Perusahaan.



2. Sehingga 20 September 2011, hanya tiga (3) kekosongan Pengerusi Mahkamah Perusahaan iaitu dua (2) jawatan kader masing-masing di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang dan satu (1) jawatan kontrak di Kuala Lumpur. Pengisian jawatan kader diuruskan oleh Jabatan Peguam Negara manakala jawatan kontrak, pengisian diuruskan oleh Kementerian Sumber Manusia bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Malaysia (SPA).

3. Kementerian Sumber Manusia bersama Jabatan Peguam Negara, JPA dan SPA sentiasa berbincang apabila berlaku kekosongan Pengerusi Mahkamah Perusahaan dan ianya mengamil sedikit masa kerana melibatkan kenaikan pangkat bagi jawatan kader dan bagi perlantikan kontrak pemilihan calon sesuai, memenuhi syarat perlantikan kontrak dan kelulusan agensi pusat diperlukan.

Tuan Yang Dipertua,

4. Telah menjadi hasrat Mahkamah Perusahaan agar setiap kes pertikaian yang dirujuk dapat diselesaikan secepat mungkin supaya keadilan dapat diberikan kepada semua pihak yang bertikai samada pekerja atau majikan tanpa berlengah. Ini adalah salah satu faktor supaya keadilan dapat diberikan kepada kedua-dua pihak.

5. Bagi mengatasi kelewatan menurunkan *award* dalam kes-kes yang ditinggalkan oleh Pengerusi Mahkamah yang bertukar, Mahkamah Perusahaan mengagihkan kes berkenaan kepada Pengerusi lain untuk menurunkan *award*. Untuk kes-kes sambung

bicara, kes-kes tersebut juga diagihkan kepada Pengerusi lain untuk meneruskan dengan perbicaraan.

Analisis Kedudukan kes di Mahkamah Perusahaan

PERKARA	2009 2010	2011 (Ogos)
Baki Kes Keseluruhan	2627 2552	2342
Menunggu Keputusan	389 250	227



PARLIMEN MALAYSIA  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**BERTANYAAN**  
**DARIPADA**  
**TARIKH**  
**SOALAN**

JAWAB LISAN

DATO' NORAINI BIN AHMAD [PARIT SULUNG]

20 OKTOBER 2011 (KHAMIS)

Dato' Noraini bin Ahmad [Parit Sulong] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan adakah Kementerian berpandangan langkah Jabatan Perikanan baru-baru ini untuk mengurangkan jumlah bot pukat tunda melalui program khas "Exit Plan" bagi menangani kemerosotan sumber perikanan pantai telah memberi impak positif dalam usaha pembiakan lebih banyak anak-anak ikan.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Sebanyak 4,224 buah vesel pukat tunda berlesen iaitu lebih 68% daripada jumlah keseluruhan vesel perikanan di Malaysia didapati beroperasi di Zon B (kawasan 5-12 batu nautika dari pantai). Faktor lambakan vesel di Zon B ini telah menambahkan lagi beban daya usaha menangkap ikan di zon tersebut seterusnya menjejaskan proses pembiakan ikan dan tumbesaran hidupan laut.

Dalam RMKe-9, Negeri Kedah telah dipilih sebagai perintis untuk program pengurangan tekanan daya tangkapan di perairan Zon B dengan mengurangkan bilangan vesel pukat tunda (program *Exit Plan*). Hasilnya, 115 buah vesel pukat tunda berlesen di negeri Kedah berjaya dikeluarkan daripada perairan Zon B. Walau bagaimanapun, lebih banyak vesel pukat tunda perlu dikeluarkan kerana kajian awal status sumber yang dijalankan pada tahun 2009 tidak menunjukkan kesan yang signifikan oleh kerana bilangan bot pukat tunda yang dikeluarkan di bawah program tersebut adalah kecil. Kajian lanjutan yang lebih terperinci perlu dilaksanakan bagi menentukan status sumber perikanan yang sebenar.

NO. SOALAN : 43

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [ SEREMBAN ]

TARIKH **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
20 OKTOBER 2011

**DEWAN RAKYAT**

RUJUKAN 4122

SOALAN:

Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) berkenaan dengan perhimpunan BERSIH pada 9 Julai 2011. Nyatakan senarai penuh mereka yang ditahan oleh pihak polis pada hari tersebut; dan
- (b) senarai penuh mereka yang didakwa di mahkamah (jika ada).

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Seremban yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a), seramai 1,509 orang telah ditahan dan diambil keterangan kerana menyertai perhimpunan haram pada 9 Julai 2011 yang lalu. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 63 kertas siasatan telah dibuka dan telahpun dirujuk ke Jabatan Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.

Bagi menjawab soalan (b) pula, senarai mereka yang terlibat di dalam perhimpunan haram tersebut telahpun dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara dan buat masa ini senarai tersebut tidak dapat diberikan kerana ianya bergantung kepada keputusan Jabatan Peguam Negara bagi tujuan pendakwaan.